

Nasihat PM kepada suku kaum petani pindah

Amalkan pertanian setempat untuk tingkat taraf hidup

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Suku - suku kaum yang mengamalkan kegiatan pertanian pindah, terutama di Sabah dan Sarawak, diminta menghentikan kegiatan itu dan menumpukan pertanian pada satu-satu tempat sahaja bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Langkah itu juga dapat menyelamatkan hutan negara daripada terhapus, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, kepada pemberita selepas melawat Stesen Percubaan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buluh, dekat sini, hari ini.

Katanya, mereka yang mengamalkan pertanian pindah selalunya menebang hutan tanpa dirancang untuk menanam padi dan apabila tanah itu tidak lagi subur mereka berpindah ke kawasan lain dan melakukan kegiatan yang sama.

Hutan - hutan yang telah ditebang itu pula tidak ditanam semula dan ini menyebabkan berlaku kerugian besar kepada negara, terutama seperti yang berlaku di Sabah dan Sarawak.

Sebenarnya keadaan hutan menjadi padang terkuruk bukan kerana pembalakan tapi kerana kegiatan peladangan yang berpindah-randah.

"Kaum peladang yang berpindah-randah ini akan memilih tempat - tempat tertentu untuk kerja - kerja

peladangan dan pertanian mereka dan untuk tujuan tersebut mereka terpaksa menebang semua pokok kecil dan besar.

"Setelah tiga atau empat tahun bila tanah yang dicucuk tanam itu tidak baik lagi mereka akan berpindah dan memilih tempat yang baru," katanya.

Di sebaliknya menurut Perdana Menteri apabila kerajaan memberi lesen pembalakan kepada orang-orang tertentu kerajaan tidak membenarkan mereka menebang semua pokok.

"Kita minta mereka tandakan pokok mana yang boleh ditebang dan yang mana tidak, sebab ada pokok - pokok yang belum matang," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurutnya, atas sebab demikianlah kerajaan mahu rakyat di Sabah dan Sarawak tinggal di satu tempat dan bercucuk tanam di situ.

Beliau menambah bahawa keadaan bercucuk tanam dan berpindah-randah ini akan hanya mendatangkan kerugian kepada hutan negara ini.

Katanya, orang - orang Eropah yang menuduh - nuduh kononnya hanya kerajaan sahaja yang salah sebenarnya ingin melihat orang - orang Penan dan suku kaum lain hidup merana, terpaksa guna sumpit untuk mencari makanan dan tidak hidup sempurna

seperti orang lain.

"Adalah tidak patut kita menganggap orang - orang Penan umpamanya sebagai orang hutan untuk ditunjukkan kepada pelawat asing dan untuk dijadikan bahan kajian akademik atau bahan kajian penulis-an.

"Mereka juga manusia biasa dan mahu hidup macam orang lain," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, kerajaan sedang mencari seorang rakyat asing dari Eropah, Bruno Manser yang terlibat dengan isu bantahan kegiatan pembalakan di Sarawak.

Bruno Manser kini diketahui sedang menyembunyikan diri di dalam hutan dan akan ditangkap sebaik sahaja dia keluar.

Bagaimanapun menurut beliau kalau Bruno Manser mahu hidup dalam rumah panjang yang kecil dia boleh berbuat demikian dan menjadi bahan kajian cara hidup orang Penan lama.

"Dia ingat dia datang sini sebagai Raja Putih yang boleh membentuk kingdomnya sendiri.

"Agak terlalu lewat untuk dia buat demikian. Dia sepatutnya ikut Raja Brooke," kata Perdana Menteri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kerajaan sedang mencari Bruno Manser dan akan menangkap dia sebaik saja dia keluar dari bersembunyi.